

# Forum Kepimpinan Global Asia bermula hari ini

UM - 7 SEP 2002

PULAU PANGKOR 6 Sept. — Forum Kepimpinan Global Asia yang bermatlamat mencari pendekatan terbaik bagi menjadikan dunia ini tempat yang lebih selamat akan bermula di Pangkor Laut Resort, esok.

Forum yang dibuat secara tidak formal ala mesyuarat Kem David itu menghimpunkan hampir 200 tokoh terkemuka dari seluruh dunia yang akan menganalisis dan bertukar-tukar fikiran bagi mencari pendekatan yang mahu dicapai itu.

Ia juga diadakan sebagai memperingati tragedi 11 September tahun lalu yang

telah mengubah pelbagai aspek kehidupan masyarakat di seluruh dunia terutama soal keselamatan.

Pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah kepada forum itu pula akan membolehkan masyarakat dunia mengenal tentang Islam yang sebenar dengan melihat Malaysia sebagai sebuah Islam yang toleran, mengutamakan perdamaian sesama manusia dan bergerak seiring kemajuan dunia.

Sebanyak lapan kertas kerja akan dibentangkan pada mesyuarat yang mempunyai jadual yang cukup ketat itu yang merangkumi

perkembangan politik, ekonomi, industri dan teknologi semasa dan peranannya dalam membentuk dunia yang lebih selamat.

Forum itu akan dimulakan dengan ucapan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak bertajuk 'Malaysia: Contoh Kepada Negara Yang Moden, Maju, Aman dan Berbilang Bangsa', diikuti dengan satu sidang pleno.

Pada sebelah petang hari pertama, para peserta akan berbincang dan menjana pemikiran strategik serta mencari penyelesaian ke arah mewujudkan dunia yang lebih baik.

Kemuncak kepada forum itu ialah ucapnaya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bertajuk 'Membina dan Berkongsi Kemakmuran: Memberikan Dimensi Kemanusiaan kepada Globalisasi'.

Selain berforum, para peserta juga berpeluang menyaksikan persembahan hebat dari tenor terkemuka dunia yang juga Duta Keamanan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Luciano Pavarotti dan menyaksikan keindahan Pulau Pangkor Laut.